

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
KAWASAN : JELUTONG
TARIKH : 15 MAC 2018
NO. SOALAN : 61

SOALAN

YB. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan penjelasan terkini mengenai item-item yang telah mencapai persetujuan sebulat suara dalam rundingan Trans-Pacific Partnership (TPP) antara 11 negara tanpa Amerika Syarikat. Apakah langkah-langkah susulan Malaysia jika perjanjian rasmi dimeterai di Chile nanti.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana yang telah dimaklumkan di dalam Dewan yang Mulia ini, Menteri-menteri negara Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) yang bermesyuarat di Da Nang, Viet Nam pada 6 hingga 8 November 2017 telah berjaya mencapai persetujuan berkaitan elemen-elemen teras bagi perjanjian yang telah dinamakan semula sebagai sebagai Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik, dengan izin, *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP)*.

- ESS
2. Perjanjian ini akan dilaksanakan melalui penggabungan perjanjian asal TPP ke dalam perjanjian baharu, dan beberapa peruntukan perjanjian asal TPPA akan digantung atau tidak akan dilaksanakan. Peruntukan-peruntukan yang akan digantung telah dibincangkan dan dipersetujui secara konsensus oleh semua kesebelas negara ahli. Senarai penuh peruntukan yang telah dipersetujui untuk digantung (*List of Suspended Provisions*) telah pun dimuat naik di laman sesawang MITI pada 11 November 2017.
 3. Susulan itu, Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan CPTPP di Tokyo, Jepun pada 22 dan 23 Januari 2018 telah berjaya memuktamadkan beberapa isu-isu tertunggak. Sebelum Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan CPTPP di Tokyo, terdapat 20 peruntukan yang dipersetujui untuk digantung. Mesyuarat tersebut telah bersetuju untuk menambah 2 peruntukan baharu berkaitan kepentingan Malaysia (isu Petronas) dan Brunei Darussalam ke dalam senarai penggantungan, menjadikan sebanyak 22 peruntukan yang akan digantung.
 4. Peruntukan-peruntukan yang akan digantung tersebut termasuklah peruntukan-peruntukan yang melibatkan kepentingan Malaysia dalam bidang-bidang berkaitan farmaseutikal, hak cipta, perolehan kerajaan dan mengehadkan skop *Investor-State Dispute Settlement* (ISDS). Penggantungan peruntukan-peruntukan ini akan membolehkan Malaysia dan negara-negara ahli meneruskan pelaksanaan Perjanjian CPTPP tanpa melibatkan peruntukan-peruntukan sensitive, khususnya dalam bab-bab yang telah menjadi kontroversi sebelum ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Walaupun Perjanjian CPTPP ini telah ditandatangani oleh kesemua negara ahli pada 8 Mac 2018 di Santiago, Chile, namun di bawah Artikel 3 *Entry into Force*, Perjanjian CPTPP hanya akan berkuat kuasa apabila sekurang-kurangnya 6 buah negara atau 50% daripada negara asal yang menandatangani, telah berjaya meratifikasi Perjanjian CPTPP. Justeru itu, setiap negara ahli perlu melengkapkan proses domestik masing-masing sebelum meratifikasikan perjanjian ini. Hanya negara-negara ahli yang telah meratifikasi boleh melaksanakan Perjanjian CPTPP dan mendapat faedah daripada Perjanjian ini.

6. Bagi memenuhi obligasi di bawah perjanjian CPTPP, Malaysia perlu meminda beberapa rang undang-undang berkaitan. Sebanyak 19 pindaan undang-undang perlu dilakukan bagi meratifikasi Perjanjian ini. Setakat ini hanya satu pindaan yang telah dibentang dan diluluskan oleh Parlimen. Bagi membolehkan Malaysia untuk menjadi salah satu negara terawal untuk melaksanakan CPTPP khususnya bagi menikmati manfaat akses pasaran, segala pindaan yang telah dikenal pasti perlu dimuktamadkan segera.

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia akan terus menumpukan usaha untuk meneroka dan menembusi pasaran baharu bagi penggalakan eksport serta menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan kepada pelabur-pelabur asing. Penyertaan Malaysia dalam perjanjian-perjanjian perdagangan bebas (FTA) seperti CPTPP ini adalah merupakan salah satu strategi utama untuk mencapai agenda ini dan akan diteruskan.

135

SOALAN (62)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15 MAC 2018
[KHAMIS]

DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR
VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]

SOALAN:-

YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan SEDIC yang telah disalurkan kepada Sri Murugan Centre (SMC) , Bakti Sakti dan Malaysian Indian Football Association (MIFA). Nyatakan jumlah peruntukan keseluruhan yang telah disalurkan oleh SEDIC dan bilangan penerima bantuan atau sumbangan tersebut setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SEDIC dengan kerjasama agensi Kerajaan yang lain, Badan Bukan Kerajaan (NGO) akan terus berusaha mengenal pasti dan mengambil inisiatif khusus membantu kumpulan berpendapatan rendah dan seterusnya meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India. Berikut adalah bantuan Kerajaan yang telah diagihkan kepada persatuan yang telah diminta;

Yang Pertama, sehingga kini, MIFA telah memberi manfaat kepada 22,000 peserta yang menyertai program yang dianjurkan oleh mereka dimana pada tahun 2015 untuk 12,000 peserta dan 2017 bagi 10,000 peserta melalui program latihan bola sepak kepada belia India di seluruh negara yang lebih khususnya pada belia India berisiko tinggi.

Kedua, bagi program Bakti Sakti pula, seramai 1500 peserta yang mendapat manfaat melalui program pengajaran kelas percuma di peringkat SPM yang dianjurkan bagi pelajar India yang keluarganya berpendapatan rendah di negara ini.

Ketiga, bagi Sri Murugan Centre pula, pihak SEDIC tidak menaja program SMC. Mengikut memorandum persefahaman yang telah dimeterai oleh SEDIC dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), peruntukan untuk Bukan Badan kerajaan (NGO) tidak boleh dinyatakan secara umum. Kesemua tatacara urusan pengagihan peruntukan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah dilakukan penilaian secara rapi mengikut peraturan dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Program tajaan SEDIC juga dijalankan melalui sistem pemantauan yang rapi dalam memastikan pelaksanaan program yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat kaum India di negara ini. Inisiatif ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam menyelesaikan isu berkaitan masyarakat India dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018